

03/05/2001

Jumpa tahanan ISA selepas siasatan: Zainal

reports on "Dewan Rakyat" by Mohd Fuad Razali; Mohd Zin Ali  
KUALA LUMPUR, Rabu - Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) akan dibenarkan berjumpa dengan aktivis reformasi yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebaik saja siasatan terhadap mereka selesai.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata perkara itu sudah dimaklumkan oleh pihak polis kepada Suhakam.

"Kebenaran yang sama juga akan diberikan kepada isteri dan keluarga terdekat tahanan berkenaan sebaik saja siasatan selesai dijalankan," katanya bagi menjawab soalan Datuk Fadzil Noor (Pas-Pendang) ketika menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat, hari ini.

Fadzil meminta penjelasan mengapa selepas lebih tiga minggu tahanan ISA masih belum dibenarkan untuk berjumpa isteri, anak dan keluarga terdekat, peguam serta doktor bagi memastikan keadaan kesihatan mereka baik, walaupun sudah banyak rayuan dibuat.

Katanya, kebiasaannya semua tahanan ISA dibenarkan berbuat demikian selepas dua minggu mereka ditahan.

Kepada soalan Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka), Zainal Abidin berkata tempoh siasatan yang dijalankan ke atas tahanan dibuat dalam masa yang ditentukan oleh polis.

Kerk mempersoalkan sama ada polis menggunakan polisi baru kerana selepas lebih tiga minggu masih belum membenarkan isteri dan keluarga terdekat berjumpa tahanan.

Katanya, sewaktu ditahan mengikut ISA pada 1987, beliau dibenarkan berjumpa keluarganya seminggu selepas ditahan, Lim Guan Eng (bekas ahli Parlimen Kota Melaka) dibenarkan berjumpa keluarganya 10 hari selepas ditahan, manakala Mahfuz Omar pula dibenarkan berbuat demikian selepas 14 hari.

Zainal Abidin berkata, semua tahanan ISA kini dalam keadaan sihat.

Sehubungan itu, beliau menolak dakwaan menyatakan tiga tahanan ISA mengalami kecederaan sewaktu dalam tahanan.

Beliau turut menolak dakwaan Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu) bahawa justifikasi yang digunakan oleh kerajaan untuk menahan tahanan terbabit mengikut ISA tidak meyakinkan rakyat.

Syed Azman juga berkata, penggunaan ISA sebenarnya disebabkan kerajaan menghadapi krisis keyakinan serta kehilangan sokongan orang Melayu terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Umno.

Bagaimanapun, Zainal Abidin yang pernah menganggotai parti Semangat 46 berkata jika Perdana Menteri menggunakan kuasa politik untuk menahan pihak pembangkang, sudah tentu beliau turut ditahan sewaktu berada di luar kerajaan.

"Tetapi saya tidak menjadi dalang perkara yang bercanggah dengan undang-undang serta melanggar peraturan sewaktu berada di luar kerajaan. Sebab itu saya tidak ditahan.

"Orang yang ditahan mengikut ISA bukan kerana mereka pembangkang, sebaliknya mereka melanggar peraturan. Sehingga hari ini hanya 10 orang yang ditahan," katanya.

Terdahulu, Zainal Abidin berkata penahanan semua tahanan mengikut ISA bukan dibuat bermotifkan politik, sebaliknya tindakan segera untuk memastikan ketenteraman negara terpelihara.

Katanya, ia adalah tindakan mencegah sebelum berlaku kejadian yang lebih

serius serta mekanisme berkesan untuk menghindari huru-hara dan kacau-bilau.

Abdul Rahman Yusof (Pas-Kemaman) mencabar supaya kerajaan mengadakan pungutan suara untuk menentukan sama ada rakyat menyokong ISA.

"Kerajaan kerap kali mendakwa rakyat menyokong ISA, maka satu pungutan suara patut dilakukan untuk membuktikan sama ada mereka benar-benar menyokong atau sebaliknya," katanya.

Zainal Abidin berkata, bukti rakyat menyokong ISA dan undang-undang lain adalah apabila mereka memberi mandat kepada Barisan Nasional membentuk kerajaan dalam pilihan raya umum yang lalu.

"Jika rakyat bersetuju BN menubuhkan kerajaan, bererti mereka bersetuju dengan undang-undang yang ada. Jika tidak, sudah tentu rakyat memilih parti lain," katanya.

Sementara itu, tujuh isteri tahanan ISA serta keluarga terdekat mereka hari ini menghantar memorandum meminta Dewan Rakyat meluluskan desakan supaya polis membebaskan segera semua tahanan terbabit atau menghadapkan mereka ke mahkamah dengan bukti yang mencukupi.

Memorandum itu diserahkan kepada Fadzil yang juga Ketua Pembangkang; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohd Zahir Ismail dan Zainal Abidin.

Bahirah Tajul Aris, isteri Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional, Mohd Ezam Mohd Nor, yang mengetuai kumpulan itu berkata, mereka juga mendesak peguam, doktor serta anggota Suhakam dibenar berjumpa dengan tahanan.

Turut serta Marina Abdullah (isteri Raja Petra Raja Kamarudin), Roslijah S Syed (isteri Abdul Ghani Haron), Zumirah Husni (isteri Dr Badrul Amin), Aliza Jaffar (isteri Saari Sungib), Noor Fazalin Ahmad (isteri Lokman Noor Adam), Fatimah Abdul Majid (isteri Badaruddin Ismail) serta Jalaluddin Manaf (bapa saudara Hishamuddin Rais).

Zainal Abidin ketika menerima memorandum itu di kantin Dewan Rakyat berkata, beliau akan mengemukakan rayuan kumpulan berkenaan kepada Kabinet.

Sebelum itu, Zainal Abidin berkata, kerajaan memperuntukkan RM809 juga untuk pembinaan 3,000 unit rumah polis dalam Rancangan Malaysia Kelapan selain 4,780 unit yang sedang dibina.

Setakat ini, katanya, kerajaan sudah siap membina 53,933 unit rumah polis.

"Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan membelanjakan RM613 juta untuk membeli peralatan polis seperti bot peronda, radio, alat bantuan teknik and persenjataan. Selain itu, RM50 juta diperuntukkan untuk membeli sistem teknologi maklumat dan komunikasi," katanya.

(END)